

12 JUN 2000

Mahathir-T.Kemang

ISU PERKAUMAN YANG TIDAK SIHAT DIGUNAKAN PEMBANGKANG

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

TOKYO, 12 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata isu perkauman adalah antara faktor yang menyebabkan majoriti undi yang dimenangi Barisan Nasional (BN) berkurangan pada pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang Sabtu lepas.

Sambil menyifatkan isu itu sebagai tidak sihat, Perdana Menteri berkata biasanya di kawasan Teluk Kemang, calon parti pembangkang adalah dari DAP dan terdiri daripada orang Cina atau orang India dan soal agama dan kaum tidak dapat dimainkan.

"Kali ini, kita dapati yang lawan kita ialah dari parti Keadilan dan mereka memainkan isu hendak kuil atau pun hendak masjid. Jadi, saya yakin ini juga mempunyai kesan," katanya pada sidang berita di sini di akhir lawatan kerja ke Jepun selama seminggu. Beliau dijadualkan berlepas pulang ke tanah air esok.

Perdana Menteri berkata selain itu, soal ternakan babi di Lukut juga menjadi isu.

"Walaupun kita telah mengambil tindakan luar biasa dengan membayar ganti rugi, kerana biasanya negara-negara lain tidak membayar ganti rugi, tapi kita bayar ganti rugi hampir sepenuhnya tetapi masih juga DAP memainkan bermacam-macam isu supaya penduduk di kawasan itu berasa tidak puas hati dengan kerajaan.

"Jadi kita harus kaji kenapa merosot majoriti (undi) dan saya yakin bahawa kita boleh mengatasi perkara ini," katanya.

Pada pilihan raya kecil itu, calon BN S.Sothinathan menang dengan majoriti 5,972 undi untuk memperolehi 24,500 undi mengalahkan calon Keadilan Ruslan Kassim yang mendapat 18,528 undi.

Pada pilihan raya umum 29 Nov lepas, calon BN S.A.Anpalagan menang dengan majoriti 9,942 undi.

Dr Mahathir berkata pilihan raya umum berbeza dengan pilihan raya kecil itu kerana biasanya DAP tidak akan memberi kawasannya kepada Keadilan.

Mengenai politik perkauman, beliau berkata, "memang pun tidak sihat tapi parti lawan tidak segan-segan umpamanya kalau dia perlu kepada kerjasama DAP, dia sanggup berpeluk-peluk dengan DAP tetapi bila dia nampak peluang untuk memainkan isu agama di kalangan orang Melayu, dia juga menggunakan isu itu."

Tentang pembubaran banyak cawangan dan kemasukan anggota Keadilan dalam Umno, Perdana Menteri berkata, "saya rasa lama kelamaan mereka (anggota Kedalian) akan sedar, ada yang lebih awal sedar, ada yang kemudian baru sedar.

"Tetapi, saya berasa amat sedih kerana kita berada dalam keadaan cemas. Sebenarnya negara kita ini sekarang sedang diserang dan usaha sedang dibuat untuk menguasai ekonomi negara kita supaya kita terpaksa tunduk kepada kuasa asing seperti yang telah berlaku kepada negara-negara lain.

"Sepatutnya orang Melayu merapatkan barisan dan menyokong kerajaan untuk menangkis serangan ini tetapi mereka lebih asyik dengan perselisihan sesama mereka dan mereka lebih asyik dengan hendak mendakwa orang itu lebih Islam, kurang Islam dan macam-macam lah.

"Benda-benda macam ini cuma melemahkan kita dan akhirnya negara kita, mungkin ada orang yang lebih Islam ataupun kurang Islam, akan ditakluk orang asing.

"Kita lihat benda ini berlaku depan mata kita, tapi kita fikir dia tidak akan berlaku kepada kita. Ia tak berlaku sekarang ini kerana Alhamdulillah kita mempunyai kerajaan yang kuat tetapi kalau percubaan dibuat untuk melemahkan kerajaan, maka kerajaan yang lemah tak mungkin mempertahankan kemerdekaan negara kita," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata kejayaan Malaysia dalam menguruskan kewangannya

bukanlah satu kebetulan tetapi berdasarkan pelaksanaan dasar yang cekap dan berkesan.

Menurutnya kejayaan itu juga membolehkan negara bebas untuk bersuara dan tidak perlu tunduk kepada mana-mana pihak.

Dr Mahathir berkata Malaysia berjaya memulihkan ekonominya dengan cepat kerana tidak mempunyai beban hutang seperti negara-negara membangun yang lain.

Katanya dasar kerajaan untuk menjelaskan pinjaman dari semasa ke semasa berjaya mengecilkan jumlah pinjaman negara.

Beliau berkata sikap berhutang dengan banyak tanpa memikirkan risiko masa depan menyebabkan sesebuah negara itu boleh dijajahi semula dalam bentuk baru.

Perdana Menteri juga menegaskan projek yang dilaksanakan oleh kerajaan dibuat berdasarkan ukuran keupayaan semasa kewangan negara.

"Kita buat projek mega tetapi kita buat dengan duit sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenaig dakwaan persatuan pengedar kereta nasional bahawa industri kereta nasional mungkin terjejas ekoran langkah bank negara menarik balik bayaran komisen satu peratus kepada pengedar kereta.

"Kita akan dengar pendapat-pendapat orang yang terlibat, kalau kita dapati ada kes, kita mungkin akan menimbang semula tapi kenalah ada alasan yang baik," kata beliau.

-- BERNAMA

GM NAK